



TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PROGRAM INISIATIF WILAYAH PEDULI
PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN 2019
(PENYERAHAN VAN WILAYAH)**

3 DISEMBER 2019 (SELASA)

12.30 TENGAHARI

LOBI MENARA DBKL 1, JALAN RAJA LAUT, KL

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

Terima kasih saudara pengacara majlis,

YBhg. Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan

YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar

Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah

Persekutuan

YBhg. Dato Nor Hisham bin A. Dahlan

Datuk Bandar Kuala Lumpur

Encik Zaizalnizam bin Zainun

Ketua Pegawai Eksekutif

Yayasan Wilayah Persekutuan

Pengarah Eksekutif

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Ketua-ketua Jabatan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Ahli-ahli Parlimen Wilayah Persekutuan

Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan para
hadirin yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh dan Salam Sejahtera. Malaysia.

1.0 PENDAHULUAN

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia Nya kita dapat bersama-sama pada hari yang berbahagia ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) terhadap Inisiatif Wilayah Peduli Peringkat Wilayah Persekutuan 2019 dalam program van wilayah. Ia merupakan penghargaan dan bertepatan hasrat pentadbiran kerajaan merealisasikan objektif Inisiatif Wilayah Peduli yang merangkumi tiga (aspek) iaitu :

1. Menjaga Kebajikan Golongan Memerlukan

Menjaga kebajikan dan keperluan rakyat Wilayah Persekutuan terutamanya golongan yang memerlukan (B40)

2. Meringankan Kos Sara Hidup

Membantu menangani dan meringankan kos sara hidup di Wilayah Persekutuan dengan menyediakan pelbagai kemudahan-kemudahan fasiliti awam yang diperlukan.

3. Menaikkan Taraf Hidup Rakyat

Membantu menaiktaraf kehidupan rakyat (merangkumi golongan kanak-kanak, pelajar, remaja, belia dan warga emas) bagi memastikan dan menjamin kesejahteraan rakyat Wilayah Persekutuan.

Dato'-Dato', Tuan-tuan, Puan-puan dan para hadirin sekalian,

2.0 Program Van Wilayah

Program Van Wilayah ini adalah untuk memberi kemudahan pengangkutan kepada warga Wilayah Persekutuan (WP) bagi tujuan kebajikan seperti ke hospital, kematian, aktiviti amal dan keperluan-keperluan lain seperti menghantar anak ke institusi pengajian dan majlis-majlis keraian. Perkhidmatan van Wilayah ini juga bersesuaian untuk digunakan oleh golongan OKU.

DBKL dipertanggungjawabkan bagi pelaksanaan Program Inisiatif Wilayah Peduli Peringkat Wilayah Persekutuan 2019 (program van wilayah) di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

Mekanisma penyerahan dilaksanakan secara *one-off* (pemberian terus) kepada Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) bagi penggunaan sebelas (11) kawasan parlimen yang dianggotai Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) di WPKL.

Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) juga bertanggungjawab sepenuhnya bagi menyelaraskan penggunaan secara telus, teratur dan sistematik terhadap Van Wilayah termasuk penyelenggaraan, insurans, pemantauan dan sebagainya. Penggunaan Van Wilayah ini kepada Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) di WPKL agar dapat mematuhi kawalan dalaman (SOP) garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) pada sepanjang

masa supaya ahli-ahli MPP dapat memberikan bantuan kebajikan kepada masyarakat setempat.



Dato'-Dato', Tuan-tuan, Puan-puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

3.0 PENUTUP

Mesaj Program Van Wilayah merupakan “hadiah dan kejutan gembira” supaya rakyat merasai dan mengetahui mengenai inisiatif kebajikan yang dilaksanakan oleh KWP dan agensi-agensi yang

terlibat. Malahan keterlibatan rakyat secara terus dapat meningkatkan mutu kehidupan di Wilayah Persekutuan.

Sememangnya YWP merupakan agensi yang dapat memberi tumpuan bantuan kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana bagi pembangunan masyarakat dalam aspek Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T) di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.